

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

ATP 400 - Dasar-Dasar Pengurusan

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Arahan:

Jawab TIGA soalan semuanya. Setiap soalan mempunyai kadar pembahagian markah yang sama.

1. a) Objektif syarikat-syarikat perniagaan ialah untuk mendapat keuntungan. Adakah anda bersetuju atau membantah ini? Berikan alasan serta justifikasikan pilihan anda.

b) Andaikan diri anda sebagai seorang pengurus strategik dari HICOM, sebuah syarikat pengeluar kereta tempatan. Bentukkan senarai angkubah-angkubah yang dapat anda gunakan di dalam ramalan data di dalam pembentukan strategi masa depan, tahun 1995 - 2000. Juga bincangkan kuasa-kuasa yang akan mempengaruhi persekitaran kompetitif syarikat anda.

(100 markah)

2. a) Pada pendapat anda, adakah strategi fungsional di dalam pemasaran, kewangan dan pengeluaran selalunya bercanggah? Bincangkan.

b) Bandingkan rangka kerja Kumpulan Perunding Boston (Boston Consulting Group) dengan rangka kerja General Elektrik di dalam pembentukan dan diagnosa strategi. Apakah objektif model-model ini? Bagaimanakah model ini dapat membantu pengurus di dalam pembentukan strategi?

(100 markah)

...2/-

[ATP 400]

3. a) Apabila sesuatu strategi itu gagal, maka tindakan pembedulan yang sewajarnya ialah dengan menukarkan pasukan pengurusannya. Adakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Huraikan.
- b) Apakah yang dimaksudkan dengan "Harvesting" Pemulihan (Turnaround) dan "Integrasi Tegak" daripada sudut pengurusan strategik.

(100 markah)

4. a) Bincangkan serta huraikan kaedah perancangan yang dikemukakan oleh Frank F. Gilmore di dalam artikel "Formulating Strategi in Smaller Companies", untuk syarikat-syarikat bersaiz sederhana dan kecil. Berikan pendapat anda tentang kaedah-kaedah yang dikemukakan?
- b) Andaikan anda sebagai seorang Ketua Eksekutif di dalam sesebuah syarikat bersaiz sederhana. Bagaimanakah akan anda memastikan bahawa kesemua strategi. Fungsional ini berhubungkait di antara satu dengan yang lain dan membantu di dalam pencapaian objektif syarikat?

(100 markah)

5. a) Terangkan kesan-kesan negatif atau positif bagaimana struktur sesebuah organisasi mempengaruhi pelaksanaan strategi.
- b) Pada pendapat anda angkubah/angkubah-angkubah kualitertif manakah yang akan mempengaruhi proses penilaian dan pemilihan strategi di dalam sesebuah organisasi? Kenapa?

(100 markah)

- oooo000ooo -